

53km pantai mula lenyap

» *Kajian mendapati masalah hakisan pada tahap membimbangkan*

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad
krull@bh.com.my

■ Kota Bharu

Sekurang-kurangnya 53 kilometer (km) daripada 75.5 kilometer tanah di pesisir pantai di Kelantan “lenyap” dihakis ombak Laut China Selatan sejak 10 tahun lalu.

Akibat bencana alam ini juga, lebih 24 perkampungan nelayan yang dulu tersohor sebagai tempat tumpuan orang ramai dan pelancong asing menikmati pemandangan indah di tepi pantai, kini hanya tinggal nama di peta Malaysia kerana sudah hilang ditelan ombak.

Senario ini didedahkan Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) negeri selepas mendapati keadaan hakisan pantai di negeri ini pada tahap membimbangkan terutama setiap kali musim tengkujuh.

Malah, pantai popular di Kelantan iaitu Pantai Cahaya Bulan

(PCB) akan turut lenyap dan hanya tinggal nama sekiranya tiada perancangan jitu dilakukan bagi menyelamatkannya daripada hakisan.

Ketika mendedahkan perkara ini, Jurutera Bahagian Lembaga Sungai dan Zon Pantai, JPS Kelantan, Norasimah Mat Nor, berkata lebih membimbangkan lagi ialah keputusan hasil kajian jururunding yang dilantik JPS, mendapati Kelantan kehilangan pantai kira-kira lima meter setahun.

Jumlah kehilangan kritikal

“Jumlah kehilangan ini adalah kritikal dan sekiranya tiada tindakan awal dilakukan, ia akan menyebabkan sebahagian besar dari Kota Bharu lenyap dan tidak mustahil akan berlaku seperti Kampung Kuala Pak Amat di Sabak, Pengkalan Chepa.

“Kampung itu yang tercatat bukan saja dalam sejarah Malaysia, malah dunia sebagai tempat pendaratan pertama tentera Jepun pada Perang Dunia Kedua,



Beberapa rumah penduduk Kampung Pulau Tukang Dollah dekat Pulau Panjang yang **terpaksa ditinggalkan penghuninya akibat masalah hakisan.**

[FOTO BETTY SUBARYATI/BH]

lebih awal dari Pearl Harbour, di Amerika Syarikat, kini sudah hilang ditelan Laut China Selatan.

“Banyak khazanah bersejarah seperti kubu dan peralatan perang peninggalan tentera Jepun dan British berkubur di dasar laut itu dan ini adalah satu kerugian besar, bukan saja kepada Kelantan, malah negara serta dunia,” katanya.

Di Kota Bharu, JPS melindungi kawasan pantainya melalui

projek lapis lindung batu dan berjaya menyelamatkan jajahan ini tetapi sekiranya lambat bertindak, tidak mustahil sebahagian besar jajahan ini akan hilang seperti perkampungan di Sabak.

Namun, melalui projek menyelamat pantai ini, ia menyebabkan Kota Bharu kini sudah tiada kawasan pesisiran pantai untuk berkelah dan ini dapat dilihat berlaku kepada pantai peranginan tersohor di negeri ini iaitu di PCB.